



PROGRAM SEMBELIH AYAM DAN MASAK KAWAH

Oleh ; Noorharnila Rusli

Tanggal 14 Februari 2009 telah diadakan Aktiviti Sembelih Ayam dan Masak Kawah bertempat di Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani (KKG). Aktiviti ini telah dianjurkan oleh Pejabat Pengetua Kolej Kediaman dan merupakan aktiviti tahunan yang perlu dihadiri oleh semua pelajar Majlis Penghuni Kolej Kediaman (MPKK).

Program ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai hukum-hukum penyembelihan di dalam Islam selain mengajar teknik-teknik memasak di dalam kawah. Program ini juga dilihat dapat mengeratkan hubungan di antara ahli MPKK.

Pihak pengurusan juga tidak lupa menjemput seorang ustaz untuk memberi tunjuk ajar cara-cara penyembelihan binatang yang betul mengikut hukum syarak. Di akhir program ini, semua pelajar akan menjamu selera bersama-sama setelah bertungkus lumus memasak dan sebagainya.

Dengan adanya program seperti ini, secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan para pelajar dalam mendalami dan seterusnya mengaplikasikan ajaran Islam dalam kehidupan seharian.

